


100 MENUJU MENARA GADING

© SELASA 9 APRIL 2013

BH



Ridzuan (dua dari kanan) bersama Sandar mendapatkan khidmat nasihat daripada Dekan Fakulti Pengurusan, Profesor Datuk Dr Sayed Mushtaq Hussain (kiri).

AeU realisasi pendidikan sepanjang hayat

» Kaedah pengajian beradun penuhi impian pasangan suami, isteri

Hampir saja mereka melupakan hasrat menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi akibat kekangan masa selaku individu bekerja. Melalui pendekaran kepada mod pengajian dalam talian dan secara separuh masa di Asia e University (AeU), impian menggenggam ijazah sarjana dalam bidang Pengurusan Perniagaan (MBA) kini selangkah dari nyata.

Itu situasi dihadapi pasangan suami isteri, Mohammad Ridzuan Repin dan Sandar Hnin @ Rahmah Ebrahim apabila mereka memilih menjadi pelajar di AeU pada Januari 2010.

“Saya hampir melupakan hasrat menyambung pengajian, namun apabila dimaklumkan mengenai kaedah pengajian beradun (blended learning) yang digunakan AeU, saya mendapat ia meneati kehendak saya serta isteri dan memungkinkan kami mencapai impian untuk sekali lagi bergelar graduan,” ujar Ridzuan, Pengurus unit perancangan korporat sebuah firma di ibu kota.

Pembelajaran beradun
Selaku universiti yang mempromosikan pembelajaran sepanjang hayat, AeU memperkenalkan kaedah pembelajaran beradun iaitu secara dalam talian (ODL) dan secara bersemuka.

Bahan pembelajaran seperti nota dan tugas boleh dimuat turun dari Personalised Learning Space (PLS) yang diwujudkan untuk setiap pelajar dan ia boleh diakses di mana

jua dan pada bila-bila masa. Pada ruangan berkecuaan, pelajar boleh berinteraksi bersama pensyarah dan pelajar lain melalui forum bagi membangunkan hal berkaitan subjek dan tugasan.

“Antara faktor mendorong saya memilih belajar di AeU adalah waktu pembelajarannya yang anjal dan disesuaikan mengikut kesesuaian saya dan suami. Pendekaran sememangnya diperbadikan di AeU,” kata Sandar pulu yang bertugas sebagai ketua di bahagian pengurusan pelajar di sebuah institut pengajian Tinggi.

Memahami kekangan masa bagi mereka yang bekerja, AeU mewujudkan kelas pembelajaran pada waktu petang iaitu dari jam 6 hingga 10 malam dan pada Sabtu dan Ahad.

Ahli akademik berkualiber

Sebagaimana AeU memandang serius kehenadak pelajar untuk menimba ilmu, universiti ini memilih dengan teliti ahli akademik yang berkualiber dan berpengalaman luas dan kemahiran mereka sebelum ditawarkan mengajar di AeU.

“Satu perkara yang nyata di AeU adalah kemudahan ditawarkan dalam mengakses bahan

“
Antara faktor mendorong saya memilih belajar di AeU adalah waktu pembelajarannya yang anjal dan disesuaikan mengikut kesesuaian saya dan suami”

Sandar Hnin @ Rahmah Ebrahim
Pelajar AeU

pembelajaran termasuk kemudahan perpustakaan yang begitu selesa. Selain bahan rujukan ber cetak, bahan pembelajaran turut boleh didapati secara dalam talian secara percuma melalui e-books dan e-journals yang boleh dimuat turun melalui laman sesawang perpustakaan AeU. Ia sangat memudahkan proses pembelajaran kami berdua,” ujar Ridzuan.

Pasangan suami-isteri ini antara kumpulan pelajar yang bakal menerima Ijazah Sarjana pada Istiadat Konvokesyen AeU yang ke-3 yang akan berlangsung pada 21 April 2013.

“Bagi mereka yang bekerja dan mempunyai keinginan menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi, saya dan suami menyarankan agar hasrat itu tidak ditangguh kerana pembelajaran kini menjadi semakin anjal dan mudah. Anggapan bahawa waktu adalah kekangan tidak lagi relevan dan AeU membuktikannya kepada kami,” menurut Sandar yang turut mengingatkan peluang menyambung pengajian ke peringkat PhD bersama suami di AeU dalam waktunya terdekat.

AeU adalah universiti bertaraf antarabangsa yang ditubuhkan pada tahun 2007 dan idea pembuahan universiti ini datangnya dari Malaysia dan disokong 32 negara anggota Asia Cooperation Dialogue (ACD). Sejak pertubuhannya, AeU menerima kemasukan melebihi 10,000 pelajar untuk program akademik dan eksekutif.

Pada 16 Oktober 2012, AeU diumumkan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin sebagai projek ACD paling berjaya pernah dilaksanakan ketika sidang kemuncak ACD yang berlangsung di Kuwait.

Untuk sebarang maklumat lanjut berkenaan AeU, sila yaari www.aeu.edu.my atau hubungi 1-300-300-238.